

## BIODATA TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH



» Diputerakan 30 Julai 1959 di Istana Mangga Tunggal, Pekan

» Anak keempat daripada 7 beradik hasil perkahwinan Sultan Ahmad Shah dan Almarhum Tengku Ampuan Afzan

» Dilantik Tengku Mahkota Pahang pada 1 Julai 1975, dimasyhurkan pada 23 Oktober 1977

» Ketika berusia 20 tahun, dilantik Pemangku Raja Pahang pada 28 April 1979 selepas Sultan Ahmad Shah menjadi Yang di-Pertuan Agong Ketujuh bagi tempoh 5 tahun

» Dilantik semula sebagai Pemangku Raja Pahang selepas mendapat perkenan Sultan Ahmad Shah pada 28 Disember 2016

» Berkahwin dengan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada Mac 1986

» Dikurnia 4 putera, 5 puteri;

-Tengku Amir Nasser

-Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah

-Tengku Muhammad Iskandar

Ri'ayatuddin Shah

-Tengku Ahmad Ismail Muadzam Shah

-Tengku Puteri Ilyana



*Tengku Abdullah mencium tangan Sultan Ahmad Shah selepas dimasyhurkan sebagai Tengku Mahkota Pahang*

# Tengku Abdullah dimasyhur Sultan Pahang Keenam

-Tengku Puteri Iman Afzan  
-Tengku Puteri Ilisha Ameera  
-Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah  
-Tengku Puteri Jihan Azizah Athiyatullah

#### AKADEMIK

» Pendidikan awal di Sekolah Ahmad, Pekan; Sekolah Rendah St Thomas dan Sekolah Menengah St Thomas, Kuantan  
» Aldenham School, Elstree Hertfordshire - Advance School (1975-1978)  
» Davies College, London - Advance School (1978-1979)  
» Royal Military Academy, Sandhurst, England (1979-1980)  
» Worcester & Queen Elizabeth College (Foreign Affair & Diplomacy) (1981)

#### JAWATAN-JAWATAN LAIN

» Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)  
» Komander Rejimen 505 Askar Wataniah  
» Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Automotif Malaysia DRB-HICOM  
» Bekas Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Persatuan Hoki Malaysia (MHF)

## ➔ Pemilihan sebulat suara, istiadat rasmi di Istana Abu Bakar Selasa ini

Oleh Abdul Razak Raaff dan Amin Ridzuan Ishak  
cnews@nstp.com.my

### ► Pekan

**P**emangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dimasyhurkan Sultan Pahang keenam berkuat kuasa serta-merta dan istiadat pemasyhuran akan diadakan di Istana Abu Bakar, Selasa ini.

Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah, berkata 30 Ahli Majlis Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang yang bermesyuarat di Kuala Lumpur, kelmarin, bersetuju sebulat suara atas pemilihan Tengku Abdullah itu.

“Dalam keadaan sedih dan dukacita, saya serta keluarga terima hakikat ayahanda (Sultan Ahmad Shah) tidak lagi boleh me-

kul tugas dan tanggungjawab sebagai pemerintah.

“Mesyuarat yang saya pengerusikan semalam (kelmarin) juga bersetuju dan meluluskan pindaan Bahagian 1 Perkara 9A Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang untuk memberi kuasa kepada ahli majlis jumaah menukarkan takhta Raja disebabkan kegeringan yang besar dan berat.

### Tak perlu ke sidang DUN

“Pindaan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang ini hanya membabitkan Majlis Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang dan tidak perlu dibawa ke sidang Dewan Undangan Negeri (DUN),” katanya pada sidang media khas di Istana Abu Bakar, di sini, semalam.

Tengku Abdul Rahman berkata, ayahandanya, Sultan Ahmad Shah kini digelar Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah.

Katanya, mesyuarat Majlis Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang kelmarin bagaimanapun tidak membincangkan isu pelantikan Tengku Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Perkembangan terbaru itu juga bakal memungkinkannya Tengku Abdullah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16.

Mengikut tradisi giliran, jawatan Yang di-Pertuan Agong selepas Ke-

lantan adalah Pahang, diikuti Johor dan Perak, namun keputusan pemilihannya akan dibuat Majlis Raja-Raja.

Majlis Raja-Raja akan mengadakan mesyuarat khas di Istana Negara pada 24 Januari ini untuk memilih Yang di-Pertuan Agong ke-16 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Majlis Raja-Raja juga akan mengadakan mesyuarat khas bagi istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 31 Januari ini.

Pada 6 Januari lalu, Sultan Muhammad V meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 yang dibuat selaras Perkara 32 (3) Perlembagaan Persekutuan.

Tengku Abdullah yang diputerakan pada 30 Julai 1959 di Istana Mangga Tunggal di sini adalah anak keempat daripada tujuh beradik hasil perkahwinan Sultan Ahmad Shah dengan Almarhum Tengku Ampuan Afzan.

Pada 1 Julai 1975, baginda dilantik Tengku Mahkota Pahang dan dimasyhurkan pada 23 Oktober 1977 di Istana Abu Bakar, Pekan.

Ketika berusia 20 tahun, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dilantik Pemangku Raja Pahang pada 28 April 1979 selepas ayahandanya, Sultan Ahmad Shah

menjadi Yang di-Pertuan Agong ketujuh untuk tempoh lima tahun.

Baginda dilantik semula sebagai Pemangku Raja Pahang selepas mendapat perkenan Sultan Ahmad Shah yang diisytiharkan dalam surat rasmi Kerajaan Pahang bertarikh 28 Disember 2016.

### Doa kesejahteraan Sultan Ahmad Shah

Sementara itu, Tengku Abdul Rahman berharap Sultan Ahmad Shah dapat hadir pada istiadat pemasyhuran Sultan Pahang yang baharu, Selasa ini.

“Mohon doakan yang terbaik untuk ayahanda dan harap ayahanda boleh bersama pada istiadat pemasyhuran nanti,” katanya.

Tengku Abdul Rahman berkata, beliau tidak mahu mengulas lanjut keadaan ayahandanya yang sedang gering, sebaliknya mahu memfokuskan kepada urusan istiadat pemasyhuran Sultan Pahang yang baharu.

“Kita mohon rakyat Pahang keseluruhan mendoakan kesejahteraan Paduka Ayahanda,” katanya.

Tengku Abdul Rahman berkata, Sultan Ahmad Shah sedang menerima rawatan intensif di Institut Jantung Negara (IJN) dan keluarga diraja berterima kasih kepada pakar perubatan yang berkhidmat menjaga baginda dengan cemerlang.

# Peralihan permudah urusan pilih Agong

Berita Harian AHAO (13/01/2019) M/S 03

➔ Langkah awal lancarkan proses penggiliran ikut negeri setiap lima tahun

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**eputusan Majlis Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang mengangkat Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang Keenam semalam, memudahkan lagi urusan Majlis Raja-Raja untuk memilih Yang di-Pertuan Agong Ke-16 pada 24 Januari ini.

Apabila baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang baharu pada 15 Januari ini, ia secara tidak langsung akan membolehkan tradisi sistem penggiliran jawatan Yang di-Pertuan Agong mengikut negeri setiap lima tahun diteruskan dan kali ini ia adalah giliran Pahang.

Pakar perundangan, Prof Datuk Dr Abdul Halim Sidek, berkata perali-

han kuasa takhta Pahang adalah langkah awal ke arah melancarkan proses penggiliran jawatan Yang di-Pertuan Agong selepas Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V meletak jawatan pada 6 Januari lalu.

Katanya, peralihan takhta Pahang yang disandang Sultan Ahmad Shah kepada anakanda baginda juga tidak bercanggah dengan undang-undang negeri dan mengikut keputusan majoriti Majlis Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang.

"Majlis Raja-Raja sudah tentu tidak terbeban dengan kemungkinan berdepan Raja atau Sultan yang menolak untuk dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong atas alasan tertentu termasuk faktor kesihatan," katanya kepada BH, semalam.

Berdasarkan tradisi penggiliran setiap lima tahun mengikut negeri, jawatan Yang di-Pertuan Agong selepas Kelantan adalah Pahang diikuti Johor dan Perak, namun keputusan akhir akan dibuat Majlis Raja-Raja pada mesyuarat khas 24 Januari ini.

Abdul Halim berkata, Perkara 32 Perlembagaan menetapkan tiada tempoh matang seseorang Raja boleh dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, sekali gus Tengku Abdullah layak dipertimbangkan oleh Majlis Raja-Raja untuk dilantik ke jawatan itu walaupun dianggap *junior* dalam kalangan sembilan Raja atau Sultan ketika ini.

"Apabila ditabalkan menjadi Sultan, status baginda adalah Raja yang bersemayam di atas takhta negeri. Tidak ada tempoh 'edah' ditetapkan bagi seorang Raja untuk dilantik selaku Yang di-Pertuan Agong. Maka, baginda layak dipertimbang untuk dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong.

"Tiada siapa boleh menghalang baginda kecuali Majlis Raja-Raja. Urusan pelantikan seseorang Raja sebagai Yang di-Pertuan Agong juga tidak mengikut senioriti, tetapi boleh berpandukan amalan sebelum ini, iaitu mengikut giliran negeri mana yang sepatutnya mengisi jawatan itu," katanya.

## Pemasyhuran beri kelebihan

Pakar perlembagaan dan Penasihat Gabungan Melayu Islam Beraja (MI'RAJ), Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, berkata pemasyhuran Tengku Abdullah sebagai Sultan Pahang pada 15 Januari ini pastinya memberi kelebihan kepada baginda dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.

"Mengikut senarai pemilihan, kini adalah giliran Sultan Pahang, maka baginda akan diundi terlebih dahulu. Jika dilihat amalan sebelum ini dan kelayakan Tengku Abdullah sebagai Sultan, baginda pastinya mendapat sokongan Majlis Raja-Raja untuk dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong," katanya.



Majlis Raja-Raja sudah tentu tidak terbeban dengan kemungkinan berdepan Raja atau Sultan yang menolak untuk dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong atas alasan tertentu termasuk faktor kesihatan"

**Abdul Halim Sidek,**  
Pakar perundangan

Sementara itu, katanya, pemasyhuran Tengku Abdullah sebagai Sultan Pahang semalam amat bertepatan dengan fungsi baginda sebagai Pemangku Raja Pahang sejak 28 Disember 2016.

"Tanggungjawab seorang Sultan di sisi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang bukanlah bersifat istiadat semata-mata kerana baginda adalah ketua agama dan pemerintah tertinggi di dalam negeri. Pemilihan itu membolehkan Tengku Abdullah melaksanakan kuasa penuh seorang Sultan," katanya.

## Perlu tawar kepada Pahang

Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof Dr Shamrahayu Abd Aziz, berkata Majlis Raja-Raja tetap perlu menawarkan kepada Pahang sama ada mahu dicalonkan atau tidak sebagai Yang di-Pertuan Agong dan calon itu juga perlu melalui proses undian daripada Raja atau Sultan yang lain, sama ada sesuai atau tidak dilantik ke jawatan itu.

"Jika mendapat lima undian atau lebih daripada Majlis Raja-Raja, maka baginda layak untuk dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong," katanya yang juga pakar Perlembagaan, sambil menambah urusan pemilihan Seri Paduka perlu mengikut prosedur yang termaktub dalam Perlembagaan.

## REAKSI



Saya terharu dan berbangga dengan pemasyhuran Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang kerana baginda raja berjiwa rakyat dan memahami denyut nadi masyarakat”

**Zafril Nasir,**  
Bandar Pusat Jengka, Maran



Satu kebanggaan buat rakyat Pahang kerana Tengku Abdullah terkenal dengan sikap mesra rakyat dan kerap turun padang mendengar keluh kesah rakyat. Keprihatinan baginda terhadap rakyat sejak usia muda”

**Awang Tow,**  
Kampung Orang Asli Sungai Kiol, Jerantut



Tengku Abdullah sangat merendah diri dan ringan tangan membantu rakyat kesusahan. Jika banjir, baginda antara terawal turun padang”

**Faridah Abdullah,**  
Sungai Soi, Kuantan



Sepanjang menjalankan tugas sebagai Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah menunjukkan ciri kepemimpinan yang baik dan disukai rakyat. Saya doakan baginda dilanjutkan usia dan diberikan kesihatan yang baik untuk terus menerajui Pahang”

**Mohd Najib Mohd Taib,**  
Kampung Langgar, Pekan

# Sultan Johor ucap tahniah

**Johor Bahru:** Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, menzahirkan ucapan tahniah kepada Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang keenam.

Sultan Ibrahim menzahirkan ucapan itu menerusi laman Facebook baginda, semalam.

“Merafak ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada DYMM Sultan Abdullah Ibni Sultan Ahmad Shah atas pemasyhuran baginda sebagai Sultan Pahang,” titah Sultan Ibrahim menerusi laman Facebook baginda itu.

Tengku Abdullah selaku Pemangku Raja Pahang, diangkat sebagai Sultan Pahang keenam bagi menggantikan ayahanda baginda, Sultan Ahmad Shah.

Pelantikan itu dibuat selepas dipersejutujui oleh kerabat dan anggota Jumaah Pangkuan Diraja Negeri yang bersidang di Kuala Lumpur, kelmarin.

**BERNAMA**